

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @  
TAMBAT [ LUBOK ANTU ]**

**NO. SOALAN : 452**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan untuk meneruskan bantuan asas seperti jambatan jenis Single Lane R.C. Bridge di kawasan Pekan Engkilili menghubungi kawasan Kampung Merio Nanga yang melibatkan lebih 6 buah kampung dan penduduk kaum Cina.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, jambatan jenis Single Lane R.C. Bridge di kawasan Pekan Engkilili menghubungi kawasan Kampung Merio Nanga tidak tersenarai di dalam Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri yang telah diterima oleh Kementerian. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan mendesak, dipohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri supaya dimasukkan ke dalam senarai keutamaan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Rolling Plan akan datang.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.